

GARIS PANDUAN BANTUAN PROGRAM KEROHANIAN / AKADEMIK DI SEKOLAH RENDAH & MENENGAH

1. Objektif

- a) Membantu meningkatkan kefahaman tentang agama Islam kepada para pelajar di negeri Terengganu.
- a) Membantu meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar melalui kem-kem kecemerlangan.
- b) Meringankan beban pihak sekolah dalam menganjurkan program-program keilmuan.

2. Asnaf: Fisabilillah.

3. Syarat-syarat:

- a) Sekolah tersebut berada di dalam negeri Terengganu.
- b) Program yang dianjurkan mestilah berbentuk kerohanian / akademik.
- c) Program yang dianjurkan tidak berunsurkan lawatan, pelancongan, gotong-royong dan lain-lain.
- d) Bantuan boleh dipertimbangkan tidak lebih lima (5) kali atau lima (5) program sahaja untuk setiap sekolah dalam setahun.
- e) Bantuan boleh dipertimbangkan ke atas program kerohanian dan akademik pelajar seperti berikut:
 - i. Kem pemantapan solat.
 - ii. Kem kecemerlangan akademik dan pembangunan sahsiah.
 - iii. Kem kerohanian dan motivasi pelajar.
 - iv. Apa-apa program yang difikirkan sesuai oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM).

4. Kadar Bantuan

- a) Sekolah rendah: Tidak melebihi RM2,000.00 untuk setiap program.
- b) Sekolah Menengah: Tidak melebihi RM3,000.00 untuk setiap program.

5. Kaedah Permohonan

- a) Surat permohonan rasmi beserta kertas kerja lengkap yang mengandungi perkara-perkara di bawah:
 - i. Objektif, sasaran dan tentatif program.
 - ii. Yuran yang dikenakan.
 - iii. Kos yang terlibat.
 - iv. Sumber kewangan yang ada.
 - v. Pihak yang menganjur.
- b) Salinan penyata akaun bank Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG) / sekolah yang jelas dan aktif (selain Tabung Haji dan Amanah Saham Bumiputera (ASB)).

6. Cara Bayaran

- a) EFT / Cara lain yang bersesuaian.

FAQ

1. Adakah dokumen dihantar ke pejabat YPM?

Tidak perlu. Dokumen hanya perlu dimuat naik secara online sahaja.

2. Saya lupa katalaluan aktiviti sekolah.

Klik lupa kata laluan > Masukkan email yang didaftarkan dan No Telefon yang didaftarkan. Katalaluan baharu akan di emailkan ke email yang didaftarkan semasa membuat permohonan. Jika tidak dapat reset katalaluan, sila hubungi pejabat YPM ditalian : 09-6223500/09-6225600

3. Berapa lamakah proses semakan permohonan?

Permohonan akan disemak dalam tempoh 2-3 minggu selepas klik hantar permohonan.

4. Apakah yang perlu saya buat sekiranya status permohonan saya *pending*?

*Sila semak dokumen yang tidak lengkap di pautan <https://yp.maidam.gov.my/bantuanagensi> & muat naik semula dokumen yang betul ke dalam file salinan lain-lain dokumen. Pastikan semua dokumen telah dimuat naik sebelum klik butang **Pengesahan Pembedulan**.*

5. Berapa lamakah proses bayaran selepas permohonan berjaya?

Bayaran akan dikreditkan dalam tempoh 1-2 minggu selepas status berjaya.

6. Bagaimanakah cara untuk tahu permohonan berjaya atau tidak?

Status permohonan boleh disemak oleh pemohon di pautan <https://yp.maidam.gov.my/bantuanagensi>

7. Kenapa permohonan saya gagal?

Sebab gagal boleh disemak oleh pemohon di pautan <https://yp.maidam.gov.my/bantuanagensi>

8. Adakah pihak sekolah boleh menganjurkan program melebihi tempoh tiga (3) hari?

Boleh, namun bergantung juga kepada tentatif dan objektif program tersebut.

9. Adakah pihak sekolah boleh menganjurkan program bersiri atau berfasa?

Boleh, dengan syarat semua program perlu dijalankan dalam tempoh yang telah dinyatakan sepertimana dalam permohonan.

10. Adakah pihak sekolah boleh *claim* semula peruntukan daripada YPM bagi program yang telah berjalan?

Tidak boleh, semua permohonan mestilah dihantar & dilengkapkan secara online sebelum program dijalankan.

11. Apakah contoh program yang boleh dianjurkan?

Pihak sekolah boleh menganjurkan apa-apa program yang memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak YPM.

12. Ciri-ciri perbelanjaan yang dibenarkan bagi dana yang diluluskan oleh YPM.

Dana yang diluluskan mestilah dibelanjakan untuk barang kelengkapan/keperluan program, penginapan murid, makan minum murid, penginapan guru pengiring, makan minum guru pengiring, bayaran fasilitator dan mana-mana bayaran yang dirasakan memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Namun, dana tidak boleh dibelanjakan kepada tetamu VIP atau ibu bapa (sekiranya program ada melibatkan tetamu-tetamu tersebut)

13. Adakah pihak sekolah boleh memohon bagi penganjuran program atau kursus dalam kalangan guru-guru atau ibu bapa?

Tidak boleh. Sasaran utama program mestilah dalam kalangan pelajar sahaja.

14. Sekiranya program yang dimohon tidak dapat dianjurkan atas sebab-sebab tertentu, bolehkah pihak sekolah menggunakan dana tersebut untuk perkara-perkara lain?

Tidak boleh. Dana yang diluluskan mestilah digunakan bagi program yang telah diluluskan sahaja. Sebarang tundaan tarikh program, penukaran program atau pembatalan program mestilah dimaklumkan kepada pegawai YPM terlebih dahulu.

15. Adakah lebihan dana selepas program perlu dikembalikan kepada YPM?

Tidak perlu. Lebihan dana daripada program dibenarkan untuk diuruskan oleh pihak sekolah dan perlu dinyatakan secara terperinci aliran dana tersebut di dalam laporan program yang perlu dimuat naik selepas program berlangsung. Walaubagaimanapun, pihak YPM menyarankan secara tegas supaya segala dana yang diluluskan dimanfaatkan sepenuhnya untuk program tersebut.

16. Adakah dibenarkan akaun admin dikongsi dengan beberapa staf/guru lain?

Pihak YPM menyarankan supaya admin mendaftarkan guru-guru yang ingin membuat permohonan sebagai user dan memohonan menggunakan ID masing-masing supaya proses permohonan & semakan berjalan dengan lancar.

17. Sekiranya pihak sekolah didapati menipu atau memanipulasi maklumat, memberi maklumat palsu atau membuat sebarang suntingan pada dokumen, apakah tindakan yang akan dikenakan kepada sekolah tersebut?

Sekiranya pihak sekolah didapati terlibat dalam penipuan atau menyunting maklumat, permohonan pihak sekolah tersebut akan digagalkan dan pihak sekolah perlu membuat surat rayuan rasmi kepada YPM bagi permohonan yang seterusnya.

18. Sekiranya pihak sekolah didapati menyalahgunakan dana bantuan yang diluluskan, apakah tindakan yang akan dikenakan oleh sekolah tersebut?

Sekiranya pihak sekolah didapati menyalahgunakan dana tersebut, pihak YPM berhak mengarahkan pihak sekolah untuk memulangkan semula dana yang telah diluluskan. Selain itu, sekolah tersebut juga boleh disenarai hitamkan oleh YPM dan boleh diambil tindakan undang-undang.

19. Saya belum muat naik laporan program terdahulu, adakah saya boleh memohon permohonan yang seterusnya?

Permohonan baru tidak dibenarkan sekiranya pihak sekolah masih belum memuat naik laporan program terdahulu.

CONTOH SURAT

SMK PANTAI MERAH
JALAN PANTAI DAMAI, KAMPUNG DERU,
21100, KUALA TERENGGANU.
NO TEL : 099 9999 XXX NO FAKS: 099 0999 XXX

LETTERHEAD
SEKOLAH

NO RUJUKAN FILE SEKOLAH & TARIKH SURAT

Ruj. Kami : SPM 07-800/20 BHG D (9)
Bertarikh : 13 November 2022
Bersamaan : 18 Rabiulakhir 1444 H

Ketua Pegawai Eksekutif

Yayasan Pendidikan Maidam,

Lot 9 & 10 Tingkat 1 Bazar Maidam,

20100 Kuala Terengganu,

TERENGGANU

PUAN,

KENA NYATAKAN
PROGRAM YANG
AKAN
DIJALANKAN

MEMOHON BANTUAN AKTIVITI SEKOLAH BAGI PROGRAM KEM BESTARI SOLAT 2023.

Dengan hormatnya perkara atas di adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sekolah Menengah Kebangsaan Pantai Merah akan mengadakan PROGRAM KEM BESTARI SOLAT 2023 sebagaimana maklumat berikut :

KENA NYATAKAN BUTIRAN
PROGRAM.

PASTIKAN TARIKH
PROGRAM ADALAH BETUL

Tarikh : 20 Jun 2023 hingga 22 Jun 2023
Tempat : Hotel Pantai Merah
Peserta : Pelajar Tingkatan 1 (50 orang)
Pelajar Tingkatan 2 (70 orang)

TENTATIF & SALINAN ACC
BANK PERLU DI UPLOAD
PADA FAIL YANG TELAH
DISEDIAKAN.

3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah ingin memohon peruntukan sebanyak RM 3000.00 bagi menampung perbelanjaan program tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan sekali salinan tentatif program dan salinan akaun bank rasmi PIBG SMK PANTAI MERAH untuk rujukan pihak tuan.

4. Segala kerjasama dari pihak puan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sebarang pertanyaan berkaitan program tersebut boleh menghubungi Cikgu Kamarul di talian 017 – XXXX XXXX.

SILA NYATAKAN NOMBOR TELEFON GURU
TERLIBAT YANG BOLEH DIHUBUNGI

Sekian,

KAMARUL

PASTIKAN SURAT
DITANDATANGAN OLEH
PENGETUA SEKOLAH / GPK.
TANDATANGAN **DILARANG** EDIT &
SIGN DIGITAL TIDAK DIBENARKAN.

Pengetua

SMK PANTAI MERAH

WARNA & BENTUK, KOTAK
YANG DIGUNAKAN HANYA
CONTOH SAHAJA. BAGI
SURAT SEBENAR TIDAK
PERLU LETAK KOTAK2
SEBEGINI.

TENTATIF KEM BESTARI SOLAT SMK PANTAI MERAH

MASA / TARIKH	20 JUN 2023 (SELASA)
8.00-8.30 PAGI	Pelajar berkumpul di dataran sekolah dan bertolak ke Hotel Pantai Merah menaiki bas.
9.30-10.00 PAGI	-Tiba di Hotel Pantai Merah -Pembahagian kumpulan dan bilik
10.00-12.00 TGH HARI	ICE BREAKING -pelajar di arahkan untuk menyapa pelajar-pelajar seramai yang mungkin dalam tempoh 2 minit. PENGENALAN PROGRAM -pelajar didedahkan dengan slot-slot yang disediakan sepanjang program CERAMAH KEPENTINGAN MENJAGA SOLAT -disampaikan oleh Ustazah Madihah
12.00 TGH HARI -2.30 PTNG	-Rehat -Urus diri
2.30 PTNG -4.30 PTNG	SLOT1/LDK 1 -fasilator akan menerangkan berkenaan dengan JENIS-JENIS SOLAT -pelajar dipecahkan kepada beberapa kumpulan -setiap kumpulan diarahkan untuk membuat peta minda -kumpulan terbaik akan menerima hadiah file
4.30 PTNG – 5.00 PTNG	Minum petang Solat asar berjemaah
5.00 PTNG – 6.30 PTNG	SLOT 2 SYARAT WAJIB SOLAT -disampaikan oleh Ustaz Fakhri SYARAT SAH SOLAT -disampaikan oleh Ustaz Haniff LDK 2 : AWAN NANO -para pelajar ditugaskan untuk mix and match kan syarat-syarat solat dengan soalan yang disediakan
6.30 PTNG – 8.40 MALAM	-URUS DIRI -MAKAN MALAM -SOLAT MAGHRIB BERJEMAAH -TAZKIRAH/BACAAN YASSIN -SOLAT ISYAK BERJEMAAH
9.00 MALAM – 10.30 MALAM	SLOT 3 -Pelajar didedahkan dengan cara bacaan dalam solat -Pelajar didedahkan dengan rukun-rukun solat dengan betul. - Bacaan surah-surah pendek dalam solat
10.30 MALAM	TIDUR

PASTIKAN TARIKH PROGRAM PADA TENTATIF SAMA DENGAN TARIKH PROGRAM PADA SURAT

SEKIRANYA PROGRAM BERLANGSUNG SELAMA 2 HARI, PASTIKAN TENTATIF YANG DIHANTAR LENGKAP SELAMA 2 HARI

SILA HURAIKAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN KETIKA ICE BREAKING @ PENGENALAN SECARA TERPERINCI

WAJIB HURAIKAN AKTIVITI YANG DILAKUKAN DALAM SETIAP SLOT @ LDK SECARA TERPERINCI.

SEKIRANYA PIHAK SEKOLAH MENYATAKAN SECARA RINGKAS CONTOH LDK1 @ SLOT 1 SAHAJA, AKAN DIKIRA TENTATIF TIDAK LENGKAP.

****AKTIVITI YG DIJALANKAN MESTILAH DITERANGKAN SECARA TERPERINCI**

****PASTIKAN TARIKH PROGRAM ADALAH BETUL**